

## PENGHAYATAN AKIDAH DALAM KALANGAN SAUDARA BAHARU: SATU KAJIAN EKSPERIMENTAL

Adi Syahid M.A<sup>1</sup>, Noor Hisham Md Nawi<sup>2</sup> & Shah Rul Anuar Nordin<sup>1</sup>  
S.Salahudin Suyurno<sup>3</sup>

### E-JITU

Acceptance date:  
15 January 2021

Valuation date:  
15 February 2021

Publication date:  
30 April 2021

### ABSTRAK

Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk membandingkan tahap penghayatan akidah antara kaedah pembelajaran secara inkuiри terbimbing (PIT) dan pembelajaran secara konvensional (PK). Rekabentuk kajian secara eksperimen ringkas yang melibatkan 49 orang saudara baharu telah digunakan dalam kajian ini. Subjek kajian terdiri daripada saudara baharu yang belajar pada aras rendah dan tinggi yang diambil secara rawak di Institut Dakwah Islamiah (IDIP). Seramai 25 orang subjek dijadikan kumpulan rawatan manakala 24 orang subjek lagi dijadikan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan didedahkan dengan pembelajaran secara inkuiри terbimbing (PIT) manakala kumpulan kawalan didedahkan dengan pembelajaran secara konvensional (PK). Perbandingan dilakukan antara kedua-dua kumpulan untuk melihat tahap penghayatan akidah. Data dianalisis menggunakan SPSS. Statistik inferensi menggunakan ujian-t digunakan untuk membandingkan tahap penghayatan antara kedua-dua kumpulan pada aras singifikan  $P < 0.05$ . Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap penghayatan akidah antara kedua-dua kumpulan. Tahap penghayatan antara kedua-dua kumpulan adalah sederhana begitu juga antara pelajar aras rendah dan pelajar aras tinggi. Justeru. Kajian ini memberi implikasi kepada kaedah pembelajaran akidah agar lebih menumpukan aspek penghayatan di samping aspek kefahaman atau pencapaian.

Kata kunci: Penghayatan Akidah, Saudara Baharu, Kaedah Pembelajaran Inkuiри Terbimbing, Kajian Eksperimental

### PENDAHULUAN

Sistem pendidikan yang dibangunkan oleh Rasulullah S.A.W telah melahirkan generasi awal Islam yang mampu menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Rasulullah S.A.W sangat mengutamakan penghayatan akidah yang meresap jauh

<sup>1</sup> Pensyarah kanan di UTHM Johor, email, adisyahid@gmail.com & shahrul@uthm.edu.my.

<sup>2</sup> Pensyarah kanan di UMK, hisham@umk.edu.my.

<sup>3</sup> Profesor Madya di ACIS, UiTM Cawangan Melaka, ssalahud@uitm.edu.my.

ke dalam hati sanubari dan tidak menjadikan agama Islam sekadar ikut-ikutan. Namun, hari ini tradisi keilmuan dan pendidikan umat Islam dikembangkan dalam keadaan rohani yang diabaikan serta pemikiran yang mengelirukan. Keadaan ini menyebabkan berlaku tradisi ‘taklid’ atau ikut-ikutan yang jauh daripada kualiti dan kehendak agama yang sebenar (Sidek Baba, 2009). Malah, pada hari ini umat Islam mendapat serangan daripada pelbagai pemikiran dan fahaman yang menyeleweng seperti Liberalisme, Sekularisme, Fundamentalisme, Positivisme dan Marxisme serta serangan Pasca Modernisme (Rosnani Hashim, 2009). Serangan ini merosakkan pegangan umat Islam sehingga dalam masyarakat Islam sendiri telah muncul pemikiran-pemikiran aneh yang sarat dengan kontroversi melalui pensekularan ilmu (Siddiq Fadzil, 2006). Justeru, pendidikan akidah adalah asas penting untuk memastikan manusia kembali mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. serta mampu memelihara diri mereka daripada mengikut hawa nafsu serta mempunyai pegangan dan sandaran yang jelas dalam kehidupan.

Realiti kaedah pengajaran akidah semenjak beberapa kurun yang silam dirumuskan sangat lemah oleh al-Shafee (1984) dan al-Meajal (1992). Kaedah kuliah dilihat menjadi pilihan dalam pembelajaran akidah hari ini (Yusuf, 2001; Abdul Halim dan Khadijah, 2003; Ahmad Munawar, 2009). Justeru, kaedah pengajian akidah pada hari ini dianggap kering dan tidak mencapai matlamat yang boleh mengesani jiwa pelajar (Wan Mohd Nor, 1989). Hal ini selari dengan al-Banna (1979) yang menyatakan kepercayaan tradisional melalui kaedah hafalan tidak akan membawa apa-apa erti apabila manusia berhadapan dengan keimbangan dan keraguan. Sebaliknya kaedah pemerhatian dan berfikir akan menjadikan kefahaman dan penghayatan mereka lebih mendalam dan keyakinan mereka semakin kuat.

Hal yang sama berlaku pada saudara baharu. Yusri Abu (2004) menjelaskan pengajian akidah saudara baharu turut cenderung kepada kaedah kuliah di samping kursus motivasi dan pemantapan akidah. Dapatkan kajian mengenai kefahaman akidah saudara baharu juga menunjukkan tidak semua saudara baharu memperolehi pengetahuan asas mengenai prinsip-prinsip asas akidah (Yusri Abu, 2004; Imaniah, 2008). Hanya sebahagian sahaja yang mengetahui perkara yang lebih khusus mengenai akidah seperti mukjizat, alam barzakh, padang masyhar dan titian sirat al-mustaqim (Yusri Abu, 2004). Situasi ini amat membimbangkan kerana saudara baharu juga tidak terlepas daripada serangan pemikiran yang datang daripada segenap sudut. Apatah lagi mereka juga menghadapi cabaran dan masalah mereka sendiri (Zainurin, 1992; Ibrahim, 1995).

Saudara baharu merupakan golongan yang penting untuk dibangunkan pendidikan mereka terutamanya dalam aspek akidah. Hal ini ditegaskan oleh Zakaria (1998) yang menyatakan, keprihatinan umat Islam terhadap pegangan dan kemantapan akidah dalam kalangan saudara baharu sangat penting untuk menjamin kehidupan

yang bermakna di dunia dan akhirat. Apatah lagi sebagai anggota baharu dalam masyarakat Muslim, sudah tentu mereka mempunyai pelbagai masalah yang perlu diatasi seperti mematuhi amalan agama yang baharu dianuti dan menyesuaikan diri dengan umat Islam yang lain (Ibrahim, 1995). Kegagalan memberi pendidikan akidah yang berkesan akan menyebabkan wujud pelbagai masalah dan ia boleh mendorong mereka kembali menjadi murtad. Pendidikan akidah juga penting untuk membersihkan kepercayaan-kepercayaan lama yang menyimpang seterusnya menjadi aset untuk mereka berdakwah kepada keluarga dan saudara mara sendiri.

Salah satu kaedah yang boleh membantu dalam meningkatkan kefahaman akidah mereka ialah melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara inkuiiri. Menurut Ab. Halim et al. (2010) P&P inkuiiri dilihat dapat diaplikasikan dalam pembelajaran akidah dengan menghuraikan fenomena alam dan kejadian manusia bagi mencari dalil-dalil aqli untuk menjawab siapakah pencipta dan tujuan penciptaan alam ini yang berteraskan ilmu wahyu.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) inkuiiri merupakan P&P berpusatkan pelajar dan guru pendidikan Islam. Kaedah ini boleh diaplikasi dengan menekankan teknik, prosedur, cara melihat masalah dan penyelesaian (Ab. Halim et al., 2010). Melalui kaedah pembelajaran ini, pelajar akan terlibat secara aktif untuk membina pengetahuan mereka dan meneroka konsep baharu berdasarkan kepada pencarian pelajar itu sendiri. Hal ini selari dengan Mahyuddin (2001) yang menegaskan bahawa dalam konteks pelaksanaan pendidikan, para guru tidak hanya terbatas kepada proses memberi maklumat, pengetahuan dan hafalan sahaja tetapi harus membina potensi berfikir pelajar bagi membolehkan mereka memerhati, merenung, menilai dan mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang disampaikan kepada mereka.

Oleh itu, diharapkan dengan pembelajaran sebegini, pelajar dapat mengarah perhatiannya secara aktif kepada objek pelajaran supaya daya intelek yang aktif akan merangsangkan pengaliran input deria (hidu, lihat, rasa, dengar dan sentuh) secara berterusan (Ramlah dan Mahani, 2002). Hal ini penting supaya pembelajaran inkuiiri dapat mengatur maklumat yang diterima dan melahirkan satu ilmu yang menunjukkan hubungan antara wahyu dengan akal. Seterusnya ia dapat menerbitkan kefahaman dan kesedaran yang bukan sekadar pengumpulan data dan fakta tetapi mampu digapai oleh jiwa atau hati nurani bagi menerbitkan amalan yang istiqamah (Khalif Muammar, 2006).

P&P secara inkuiiri ini selari dengan tasawur pendidikan dalam Islam yang menggalakkan umatnya sentiasa melakukan pemikiran, penyiasatan dan penyelidikan sebagaimana yang diseru oleh Rasulullah S.A.W (Rosnani Hasim, 2004). Selain itu ia dapat memperkasakan kembali tradisi ilmu yang berteraskan

konsep kesalingan (litaa'rafu) yang bertunjangkan anjuran al-Quran untuk merangsang tradisi berfikir (ya'qilun), tradisi merenung dan menginsafi (yatafakkurun) dan juga tradisi keupayaan menyelidik atau eksplorasi (taddabur) (Sidek Baba, 2009).

Beberapa kajian telah dijalankan dalam konteks inkuiiri. Antaranya oleh Maryam et al. (2020) yang meneliti pengaruh pembelajaran inkuiiri ke atas kemahiran berfikir secara kritis dalam pembelajaran Biologi. Hasil kajian menunjukkan pembelajaran inkuiiri mempengaruhi pemikiran kritis pelajar secara signifikan.

Pembelajaran inkuiiri juga dilihat berjaya diaplikasikan kepada kanak-kanak yang berusia 4 tahun. Kajian Nur Najwa dan Anis Amira (2020) menunjukkan pembelajaran inkuiiri berasaskan projek menggunakan modul ini berjaya dilaksanakan kepada kanak-kanak tersebut di mana pembelajaran dapat dijalankan secara tidak langsung ke atas kanak-kanak.

Walaupun tradisi Islam menekankan inkuiiri dalam penerokaan ilmu, tidak banyak kajian yang menunjukkan aplikasi pembelajaran akidah dalam pembelajaran Islam. Walaupun begitu Nasir (2001) ada membuktikan pembelajaran inkuiiri berjaya meningkatkan pencapaian pelajar dan berjaya menanamkan sikap positif pelajar terhadap Pendidikan Syariah Islamiah berbanding kaedah konvensional.

Begitu juga Mohd Talhah (2003) yang menjalankan kuasi-eksperimen untuk melihat keberkesanan kaedah inkuiiri dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditempatkan di IPTS. Dapatan kajian menunjukkan ke empat-empat hipotesis nul telah ditolak di mana penggunaan inkuiiri adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar.

Dalam konteks pengajian akidah terdapat kajian yang menunjukkan penerapan pembelajaran inkuiiri dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk memahami iman kepada Allah S.W.T. Kajian Sumriye (2021) merupakan satu kajian tindakan untuk meneliti kemampuan pelajar yang dikaji ke atas pengetahuan pembelajaran akidah yang berkait dengan beriman kepada Allah S.W.T. dan Asma al-Husna di Indonesia.

Oleh itu, pembelajaran inkuiiri adalah berkesan kepada pendidikan Islam terutama pembelajaran akidah. Justeru kajian ini cuba untuk melihat keberkesanan aspek penghayatan dalam pembelajaran akidah saudara baharu yang didedahkan dengan pembelajaran secara inkuiiri terbimbing.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini membandingkan tahap penghayatan akidah antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dengan menggunakan rekabentuk kajian eksperimental ringkas. Walaupun rekabentuk eksperimental benar yang paling ringkas digunakan untuk mengukur tahap penghayatan, ia tetap memberi kesahan dalaman yang tinggi (Chua, 2011). Hal ini kerana subjek kajian dianggap mempunyai ciri yang sama dan diagihkan secara rawak. Kajian melibatkan dua kumpulan rawatan iaitu 25 orang subjek daripada kumpulan pembelajaran inkui terbimbing (PIT) dan 24 orang daripada kumpulan pembelajaran konvensional (PK). Kumpulan PIT merupakan kumpulan rawatan manakala PK merupakan kumpulan kawalan. Subjek terdiri daripada saudara baharu yang diambil secara rawak di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) yang terdiri daripada dua tahap yang berbeza iaitu pelajar aras tinggi dan pelajar aras rendah. Untuk memastikan kumpulan rawatan dan kawalan dibentuk secara seimbang, teknik padanan telah digunakan. Menurut Chua (2011) teknik padanan hanya dapat dilakukan ke atas ciri-ciri yang dapat diukur atau diperhatikan. Ciri-ciri seperti umur, jantina, agama asal, bangsa, umur memeluk Islam, kelulusan akademik, tahap pengajian telah dikenalpasti terlebih dahulu. Dua kumpulan yang seimbang telah dibentuk terlebih dahulu berdasarkan ciri-ciri yang dikenalpasti supaya peratusan setiap ciri tersebut meliputi kedua-dua kumpulan yang dijadikan subjek kajian. Hal ini penting agar kesan rawatan dapat dikawal dengan sebaik mungkin. Modul pembelajaran telah disemak dan disahkan oleh dua orang pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru Kota Bharu (IPGKB). Pengajaran dan pembelajaran pula dikendalikan oleh pensyarah pendidikan Islam daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi kedua-dua kumpulan iaitu rawatan dan kawalan. Kajian ini menggunakan Instrumen Skala Penghayatan Islam versi 3 (Azma, 2006). Instrumen ini mengandungi 70 item yang merangkumi tiga elemen iaitu tasawur, perasaan dan tingkah laku. Subjek mengikuti pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara inkui terbimbing dan konvensional selama 4 minggu berdasarkan modul pembelajaran yang telah dibina berteraskan modul pembelajaran Ibnu Khaldun. Skala penghayatan akidah diberikan kepada pelajar setelah P&P mereka berakhir. Skor penghayatan diperolehi dengan mencampurkan skor bahagian tasawur, perasaan dan tingkah laku. Jumlah skor yang diperolehi akan ditukarkan kepada peratus sebelum ditukarkan kepada skor T piawai untuk membuat perbandingan dengan menggunakan rumus  $T=50+(10(x-\bar{x})/s)$ . x ialah peratus skor individu,  $\bar{x}$  ialah min setiap bahagian dan s ialah sisihan piawai. Tahap penghayatan akan diperolehi berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 1: Tahap bagi skor T piawai

Tahap	Skor T piawai
Tinggi	>60
Sederhana	$40 \leq T \leq 60$
Rendah	< 40

Tahap Penghayatan Akidah Azma (2006)

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan skor piawai-T tahap penghayatan akidah saudara baharu berada pada tahap sederhana ( $40 \leq T \leq 60$ ) bagi kedua-dua kumpulan. Skor piawai T bagi kumpulan PIT ialah sebanyak 48.26 manakala kumpulan PK sebanyak 47.80.

Ujian-*t* menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara tahap penghayatan akidah saudara baharu setelah didedahkan dengan rawatan kaedah PIT dan PK. Kumpulan PIT menunjukan ( $M= 48.26$ ,  $SP= 9.88$ ,  $n=25$ ) dan kumpulan PK ( $M=47.80$ ,  $SP=9.27$ ,  $n=24$ ), ( $t=0.164$ ,  $df= 47$ ,  $p=0.87$ ). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan antara kumpulan kaedah PIT dan kumpulan kaedah PK tidak berbeza dari segi tahap penghayatan walaupun didedahkan dengan kaedah rawatan yang berbeza.

Jadual 2: Ujian-*t* untuk tahap penghayatan mengikut kaedah pembelajaran

Kaedah tailed	Min	Sisihan Piawai	df	<i>t</i>	Sig.(2-
PIT	48.26	9.88	47	0.164	0.87
PK	47.80	9.27			

Paras signifikan  $p=0.05$ 

Perbandingan bagi tahap penghayatan akidah mengikut aras menunjukkan kedua-dua aras (tinggi dan rendah) juga menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana. Bagi subjek aras rendah menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan

PIT dan PK memperolehi nilai T diantara ( $40 < T < 60$ ) dengan kumpulan PIT ( $n=13$ ) memperolehi min skor T sebanyak 53.20 dengan sisihan piawai sebanyak 8.76. Manakala kumpulan PK ( $n=14$ ) memperolehi min skor T sebanyak 51.32 dengan sisihan piawai sebanyak 8.58. Begitu juga dengan subjek pada aras tinggi yang menunjukkan min T yang sederhana di mana kumpulan PIT ( $n=12$ ) memperoleh skor min T sebanyak 46.52 dengan sisihan piawai sebanyak 10.44 dan kumpulan PK ( $n=10$ ) menunjukkan min skor T sebanyak 48.14 dengan sisihan piawai sebanyak 11.25.

Ujian-*t* bagi tahap subjek aras rendah pula menunjukkan ( $t= 0.563, df=25, p=0.87$ ). Dapatkan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap penghayatan yang signifikan di mana nilai  $p > 0.05$  di antara kedua-dua kumpulan merujuk kepada subjek aras rendah. Begitu juga ujian- *t* bagi subjek aras tinggi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan iaitu  $t= -0.399, df= 20, p= 0.738$ .

Jadual 3: Ujian-*t* untuk tahap penghayatan mengikut kaedah pembelajaran bagi aras rendah

Kaedah	Min	Sisihan Piawai	df	<i>t</i>	Sig.(2-tailed)
PIT	53.20	8.76	25	0.563	0.87
PK	51.32	8.58			

Paras signifikan  $p=0.05$

Jadual 4: Ujian-*t* bagi tahap penghayatan mengikut kaedah pembelajaran bagi aras tinggi

Kaedah	Min	Sisihan Piawai	df	<i>t</i>	Sig.(2-tailed)
PIT	46.52	10.44	20	-0.339	0.738
PK	48.14	11.94			

Paras signifikan  $p=0.05$

Dapatan kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan mengenai tahap penghayatan akidah antara kumpulan PIT dan kumpulan PK. Kedua-dua kumpulan menunjukkan tahap penghayatan akidah yang sederhana. Begitu juga dengan tahap penghayatan akidah antara tahap pengajian, di mana pelajar tahap rendah antara kumpulan PIT dan PK serta pelajar yang mengambil aras tinggi antara kumpulan PIT dan PK menunjukkan tahap penghayatan akidah yang sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian Aisyah (2005) yang mendapati meskipun saudara baharu mempunyai tahap kefahaman akidah yang tinggi tetapi masih kurang dalam aspek penghayatan.

Kefahaman dan penghayatan merupakan dua perkara yang berbeza tetapi saling melengkapi. Kefahaman berkait dengan tahap pemikiran manusia. Ia merupakan unsur kognitif yang memandu manusia ke arah penghayatan. Manakala penghayatan pula berkaitan dengan aspek dalaman iaitu hati (afektif). Gabungan di antara kognitif dan afektif menghasilkan psikomotor atau amalan. Dalam konteks akidah ia dikaitkan dengan iman.

Justeru, dapatan ini membuktikan bahawa ilmu tidak menjamin seseorang itu mempunyai tahap penghayatan yang tinggi. Hal ini kerana penghayatan dikaitkan dengan tahap iman yang dimiliki oleh seseorang (Ibrahim al-Bajuri, t.th; Muhammad Syukri, 2003). Tahap iman dibahagikan kepada beberapa tingkat iaitu iman taqlid, iman ilmu, iman ‘aayan, iman hak dan iman hakikat. Oleh itu dapatan ini membuktikan bahawa golongan yang mempunyai tahap iman ilmu masih belum mampu untuk menguasai diri bagi menghayati akidah Islam (Muhammad Syukri, 2003). Hal ini kerana pada peringkat iman ilmu, seseorang itu masih lagi mempunyai jiwa yang bersifat ammarah, lawwamah dan mulhamah (Muhammad Syukri, 2003). Menurut Nor Anom (1996), jiwa ammarah ini walaupun mempunyai ilmu tetapi masih cenderung untuk melakukan kejahanan, tidak menyesal atas perbuatan jahat malahan mereka merasa gembira dengan perlakuan tersebut. Individu tersebut bersifat buruk seperti sompong, dendam, khianat, cepat marah, panjang angan-angan, suka menyakiti orang lain dan lalai kepada Allah S.W.T. (Mustapha, 1994). Jiwa Lawammah pula merupakan jiwa yang sudah gemar melakukan kebaikan, namun masih wujud sifat ammarah seperti ujub, riya’ summah dan lain-lain sifat yang berkait rapat dengan keaiban hati (Mustapha, 1994). Jiwa mulhamah pula masih bercampur antara kebaikan dan keburukan (Muhammad Syukri, 2003).

Oleh itu, manusia memerlukan peningkatan jiwa ke peringkat yang lebih tinggi untuk menghasilkan penghayatan akidah. Begitu juga dengan iman yang bukan hanya berada pada tahap ilmu tetapi iman ‘aayan. Orang yang berada di tahap iman ‘aayan bukan sahaja berilmu tetapi hatinya sentiasa *muraqabah* kepada Allah S.W.T. dengan sentiasa mengingatinya (Ibrahim al-Bajuri, t.th). Oleh itu,

pembelajaran akidah memerlukan penghayatan iman di samping penguasaan ilmu yang mantap.

Manusia perlu membersihkan jiwanya untuk menghayati akidah. Menurut Zakaria Stapa (1999), pembersihan jiwa diperolehi dengan melaksanakan amanah Allah S.W.T. yang berbentuk suruhan atau amal soleh dan menghindari larangan atau tegahan. Bentuk suruhan adalah perlaksanaan ibadah fardhu seperti solat, puasa, zakat, haji, zikir, tafakkur, membaca al-Quran, doa dan lain-lain amalan. Manakala larangan dan tegahan adalah memelihara anggota lahir (mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki) daripada melakukan perbuatan yang ditegah oleh syariat Islam. Dengan kekuatan amalan ini, maka agama seseorang akan kuat dan dengan itu akan wujud keseimbangan antara rohani dan jasmaninya (Shamsul Kamarudin, 2011). Oleh itu, kefahaman yang diikuti dengan pembersihan jiwa dengan melakukan amalan-amalan yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T. sahaja mampu untuk melahirkan penghayatan akidah. Selain itu, penghayatan akidah ini tidak hanya berada di tingkat yang sama sebaliknya memerlukan seseorang itu bersungguh dan konsisten dalam beribadah, dengan kata lain, ilmu yang dimiliki mampu diamalkan dalam kehidupan (Sudirman, 2009).

Justeru, PIT memerlukan beberapa elemen tambahan dalam pembelajaran khususnya pembelajaran akidah. Antaranya, pelajar memerlukan bimbingan secara langsung daripada guru atau pensyarah yang bukan hanya melibatkan bimbingan secara ilmiah sahaja tetapi turut terlibat secara praktikal dan amalan. Bimbingan ini berlaku berterusan sehingga di luar P&P agar proses mengingat dan motivasi sentiasa berlaku. Proses pembelajaran seperti ini juga biasanya dikenali dengan kaedah usrah. Hal ini selari dengan Mohd Nasir (1989) yang menyatakan program usrah mampu membina generasi pelajar yang akan dapat menegakkan akhlak Islamiah di dalam diri.

Program tambahan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran ini juga akan menjadi salah satu platform para pelajar untuk sama-sama berusaha bagi meningkatkan tahap iman dan jiwa. Menurut Mustapha (1994), proses pertukaran jiwa dari peringkat rendah seperti ammarah ke lawwamah dan seterusnya ke peringkat tertinggi bukan sesuatu yang senang untuk dicapai. Bantuan guru pembimbing dan rakan-rakan dalam kumpulan usrah tersebut, boleh meningkatkan keazaman para pelajar untuk sama-sama melawan godaan nafsu syaitan serta bersungguh-sungguh melakukan ibadah. Antara ibadah yang paling berkesan untuk membersihkan jiwa agar mampu menghayati akidah Islam dengan sebenar-benarnya ialah zikir (Shohibulwafa Tajul Arifin, 1998). Manakala salah satu bentuk zikir ialah solat (Zaenal Anwar, 1996). Oleh itu, dengan wujudnya kumpulan ini diharapkan mereka sentiasa mampu melakukan zikir ini secara bersama-sama bukan sahaja amalan solat fardhu tetapi mampu menjayakan

program solat sunat yang lain. Maka di akhir pembelajaran akidah ini, kita bukan sahaja mampu melahirkan pelajar yang mampu mengeluarkan dalil-dalil tentang kewujudan Allah S.W.T. tetapi juga diamalkan dalam kehidupan seharian.

## KESIMPULAN

Secara umumnya kajian ini mendapati bahawa pembelajaran akidah tidak dapat menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi walaupun didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang berbeza. Sistem pendidikan hari ini yang berorientasikan peperiksaan dilihat memberi tumpuan berlebihan kepada aspek kognitif pelajar sehingga mengabaikan aspek penghayatan. Hal ini agak membimbangkan kerana akidah memerlukan unsur penghayatan dengan menyepadukan antara kefahaman dan peningkatan jiwa manusia. Tujuan utama pendidikan bukanlah kepada aspek pencapaian sahaja tetapi juga untuk mencapai tujuan spiritual manusia. Walaupun begitu, ini tidak bererti pencapaian tidak penting kerana pencapaian daripada sudut kefahaman merupakan jalan menuju kepada penghayatan. Justeru, penyelidikan ini merumuskan bahawa adalah amat penting bagi para pendidik untuk menumpukan perhatian kepada aspek matlamat pembelajaran akidah iaitu penghayatan akidah. Kajian ini juga mencadangkan supaya penyelidikan tentang keberkesanan pembelajaran akidah pada masa akan datang tidak semata-mata mengukur keberkesanan tetapi juga turut mengukur aspek penghayatan daripada pelbagai dimensi.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Khadijah. (2003). Pengajaran Akhlak Sekolah Menengah: Persepsi Pelajar. Kertas Kerja dibentangkan di Wacana Pendidikan Islam Kebangsaan Siri 3.
- Ab.Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak dan Sharin Awaluddin. (2010). Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan Inovasi Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akidah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aisyah Jami'an. (2005). Penghayatan Islam di Kalangan Saudara Baharu India di Kuala Lumpur. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al Banna, Hasan. (1979). Akidah Islam, Terjemahan Ridwan Muhammad Ridwan.Pustaka Damai dengan Kerjasama PT Al-Maarif.
- al-Maejal. (1992). Dlm. Ahmad Yunus dan Ab. Halim Tamuri. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru

- Cermelang Pendidikan Islam. Journal of Islamic and Arabic Education 2 (2), 2010 13-30.
- al-Shafee. (1984). Dlm. Ahmad Yunus dan Ab. Halim Tamuri. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cermelang Pendidikan Islam. Journal of Islamic and Arabic Education 2 (2), 2010 13-30.
- Azma Mahmood. (2006). Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Malaysia, Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2011). Kaedah Penyelidikan, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Ibrahim Al-Baijuri. (t.th). "Tuhfatul Murid Alaa Jauharati Al-Tauhid": Mohd. Al-Nahdi Wa Auladihi.
- Ibrahim Che Noh. (1995). Dakwah Kepada Non Muslim: Masalah dan cabarannya. Dalam Dakwah Islamiah Masa Kini, disunting oleh Sidi Gazalba dan Zainab Ismail, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imanniah Bt Ishak. (2008). Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada' dan Qadar di Kalangan Saudara Baharu di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khalif Muammar. (2006). Atas Nama Kebenaran : Tanggapan Kritis terhadap Wacana Islam Liberal. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Mahyuddin Haji Ashaari. (2001). Pendidikan Al-Quran Menjana Keupayaan Berfikir. Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 9 Bil 4.
- Maryam, Kusmiyati, Wayan Merta dan Putu Artayasa. (2020). Pengaruh Model Pembelajaran Inkuiri Terhadap Keterampilan Berpikir Kritis Siswa. J. Pijar MIPA, Vol. 15 No.3, Juni 2020: 206-213.
- Mohd Nasir Jaafar. (1989). dalam Mustari, Mohd Ismail and Mohd Salleh, Salini, Persepsi Pelajar Terhadap Program Usrah Di SMKA (P) Al-Mashoor.Persepsi Pelajar Terhadap Program Usrah Di SMKA (P) Al-Mashoor .Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. pp. 1-11. (Unpublished).
- Mohd Talhah Mohd Tahir. (2003). Keberkesanan Pendekatan Inkuiri Terbimbing dalam P&P Pendidikan Islam: Satu Kajian Eksperimen di Kolej Matrikulasi IPTS. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, UKM.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). 7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Mustapha Mohamed Al-Jiasi Al-Ahmadi. (1994). Mengenal Diri dan Wali Allah S.W.T., Kelantan: Pustaka aman press SDN.BHD.
- Nasir Mohamad. (2001). Satu Kajian tentang Keberkesanan Kaedah Inkuiri Penemuan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, UKM.

- Nor Anom Mubarak, KH. (1996). "Kedudukan Tashawuf dan Thoreqat dalam Islam", Makalah disampaikan pada Penataran Muballigh dan Pengurus Yayasan Serba bakti Pondok Pesantren Suryalaya, tarikh 27-30 Juni.
- Nur Najwa Mohamed dan Anis Norma Mohamad Jaafar. (2020). Penggunaan Modul Pembelajaran Inkuiiri Berasaskan Projek Terhadap Kanak-Kanak Berumur 4 Tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, Vol. 9, 2020 (73-90).
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali. (2002). Psikologi Pendidikan, Pendekatan Kontemporari. Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Rosnani Hashim. (2004). Falsafah penyelidikan dari Perspektif Islam : Konsep dan Matlamat. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 11 Bil. 1.
- Rosnani Hashim. (2009). Menghidupkan Semula Pedagogi Inkuiiri Falsafah di Kalangan Pendidik dan Pelajar Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 13 Bil. 2.
- Sumriye. (2020). Penerapan Model Pembelajaran Inkuiiri Untuk Meningkatkan Kemampuan Memahami Iman Kepada Allah S.W.T. Swt. *Jurnal Ilmiah Pro Guru*, Vol. 7 No. 1.
- Shamsul Kamarudin. (2011). Kepentingan Pendekatan Kepercayaan Dan Keyakinan Kepada Tuhan Melalui PTV.Journal of Edupres, Volume 1 September 2011, Pages 249-257.
- Shohibulwafa Tajul Arifin, KH. (1988). Kunci Pembuka Dada, Selangor: Thinker's Library SDN.BHD.
- Siddiq Fadzil. (2006). Dlm. Khalif Muammar. Atas nama Kebenaran : Tanggapan Kritis terhadap Wacana Islam Liberal. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Sidek Baba. (2009). Melayu Perkasa. Shah Alam: Alaf 21 Sendirian Berhad.
- Sudirman Abdul Fatah. (2009). Proses Pemulihan Pengunaan Dadah Melalui Pendekatan Pusat Pemulihan Remaja Inabah Kedah dan Terengganu. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Terengganu.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1989). dalam Ahmad Yunus dan Ab. Halim Tamuri.Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cermelang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (2), 2010 13-30.
- Yusri Abu. (2004). Kefahaman Agkidah Saudara Baharu: satu kajian di Kuala Lumpur. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya.
- Yusuf Hashim. (2001). Reka Bentuk dan Sistem Intruksi. Kuala Lumpur : Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Zaenal Abidin Anwar, KH. (1996). Perkembangan TQN Pondok Pesantren Suryalaya, Dzikir Jahar dan khafi serta Pengamalannya, Makalah disampaikan pada Penataran Muballigh dan Pengurus Yayasan Serba bakti Pondok Pesantren Suryalaya, tarikh 27-30 Juni.



- Zainurin Mohd Yasin. (1992). Perkembangan dan Penghayatan Islam dalam Kalangan Saudara baharu: Kajian kes di Melaka Tengah. Kertas Projek Sarjana Muda, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa. (1998). Pemantapan Akidah Saudara Baharu. Seminar Penghayatan Islam Saudara Baharu II, anjuran Unit Keagamaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa. (1999). Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.